

25/07/1999

Pihak tertentu edar risalah hentam kepemimpinan PM

KANGAR: Selepas doa memohon diturunkan kebinasaan terhadap ahli dan pemimpin Umno, pihak tertentu di negeri ini mengedarkan pula risalah menghentam kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kepala surat edaran itu meniru risalah mingguan keluaran kerajaan Negeri, Suara Perlis, termasuk menggunakan mottonya 'Penyebarkan maklumat, pencetus minda'.

Bagaimanapun, risalah dengan nama Minda Rakyat itu mendahulukan perkataan pencetus minda sebelum penyebaran maklumat manakala lambang negeri ini tidak dimuatkan dengan perkataan Perlis yang menggunakan huruf jawi pada perisainya.

Risalah itu mengandungi 15 hujah memburukkan Umno dan kepemimpinan Dr Mahathir, antaranya di mana ada Umno, di situ timbul perpecahan dan Umno sebagai parti perkauman.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata risalah itu diedar di beberapa masjid sekitar Parlimen Arau dan Padang Besar selepas sembahyang Jumaat, kelmarin.

Berikutan itu, katanya, Pejabat Menteri Besar membuat laporan polis berhubung perkara itu kerana risalah berkenaan mengandungi fitnah dan diedar bertujuan mengelirukan rakyat.

"Penyebaran risalah itu adalah taktik terbaru pihak tertentu yang saya percaya dilakukan anggota parti pembangkang dalam usaha mereka menyebarkan fitnah supaya rakyat membenci dan menentang kerajaan.

"Pihak terbabit membuat risalah itu dengan meniru Suara Perlis bagi mengelirukan orang ramai supaya mereka sangka ia juga adalah lidah rasmi kerajaan negeri," katanya.

Rabu lalu, akhbar melaporkan tindakan pihak tertentu, dipercayai anggota parti pembangkang menyebarkan salinan doa memohon Allah menurunkan serigala membaham pemimpin Umno serta membutakan mata rakyat supaya hanya melihat lambang Pas.

Berikutan pendedahan itu, ahli Pas mendakwa parti itu tidak mengedarkan doa terbabit, sebaliknya menuduh ia dilakukan oleh orang Umno sendiri.

Shahidan berkata, beliau tidak pernah mengarahkan ahli Umno supaya mengedarkan doa dan risalah terbabit bagi memberi gambaran buruk kepada parti lain.

"Demi Allah, sepanjang pengetahuan saya, perkara itu tidak dilakukan orang Umno dan saya tidak pernah mengarahkan sesiapa melakukannya untuk apa tujuan sekali pun," katanya.

(END)